

# Persimpangan Bandar Gamuda Cove dibuka

Laluan bertingkat pemangkin pembangunan negara, ka...asan sekitar

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@bh.com.my

**Persimpangan** bertingkat Bandar Gamuda Cove di kilometer 26.7 Lebu Raya Utara - Selatan Hubungan Tengah (ELITE) di Dengkil, dibuka bermula jam 11 malam tadi.

Menteri Kerja Raya, Baru Bian, berkata ia adalah komitmen kerajaan bagi menyediakan kemudahan terbaru untuk kegunaan rakyat.

Katanya, kerajaan sedar lebu raya memainkan peranan amat besar sebagai pemangkin pembangunan negara, dengan pertumbuhan kawasan sekitar dapat dilaksanakan lebih pantas.

...h, kajian membuktikan bahawa kawasan yang dilengkapi dengan akses terus ke lebu raya seperti persimpangan bertingkat ini, mencatatkan kadar pertumbuhan yang drastik dan lebih cepat berbanding kawasan lain.

"Persimpangan baharu ini pastinya akan menjana kemajuan dan membantu pembangunan di kawasan sekitar; seperti persimpangan bertingkat yang dibuka sebelum ini seperti Bandar Serenia, Bandar Southville, Alor Pongsu, Bukit Gambir dan lain-lain.

"Selepas dibuka, perjalanan orang ramai di kawasan Dengkil juga akan menjadi lebih mudah, kerana persimpangan bertingkat ini menyediakan akses terus ke lebuhraya ELITE dan secara tidak langsung memendekkan perjalanan, serta menghubungkan penduduk di sini dengan kawasan sekitar," katanya ke-



Baru melihat projek Bandar Gamuda Cove pada majlis perasmian persimpangan bertingkat Bandar Gamuda Cove di Lebu Raya Utara - Selatan Hubungan Tengah, Dengkil, semalam. (Foto Ahmad Irham Mohd Noor/BH)

tika berucap pada majlis perasmian persimpangan bertingkat itu di Dengkil, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Dr Syed Omar Shariffuddin Syed Ikhsan; Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia, Datuk Aziz Abdullah dan Pengarah Eksekutif Gamuda Land, Datuk Abdul Sahak Safi.

Projek persimpangan bertingkat itu bermula pada 9 Januari 2017 dan siap pada 25 Julai lalu, membabitkan kos RM150 juta.

Ia dilengkapi plaza tol berkapasiti 12 lorong, tandas awam, surau, wakaf dan kawasan letak kenderaan, bagi memastikan pengguna lebuhraya dapat menikmati perjalanan lebih lancar dan selesa.

Sementara itu, Abdul Sahak berkata, sebagai pemaju yang berhemah, pihaknya membangunkan tempat kediaman yang

bersesuaian dengan gaya hidup orang ramai, sebuah perbandaran di mana komuniti boleh berkembang maju selaras prinsip pembangunan Gamuda Land.

Katanya, pihaknya yakin ia boleh dicapai dengan membentangkan pelan induk yang teliti bagi perbandarannya, daripada landskap jalanan ke jaringan sistem perhubungan, infrastruktur dan seni bina sehingga kawasan rekreasi.

"Untuk mencapai impian ini, Gamuda Land membuat pelaburan awal dalam pelan induk yang bersedia untuk masa depan, bagi memastikan ia memenuhi keperluan komuniti kami.

"Antara pelaburan utama itu termasuk pembinaan lebu raya dan persimpangan, untuk menyediakan akses yang lebih baik bagi komuniti, taman sentral dan tasik rekreasi serta

jaringan internet berkelajuan tinggi.

"Persimpangan yang kami bina ini disasarkan untuk memberi kemudahan perhubungan ke bandar berdekatan dan hab seperti Subang Jaya, Cyberjaya, Putrajaya, Puchong dan KLIA melalui lebu raya ELITE," katanya.

Gamuda Cove ialah projek perbandaran baharu Gamuda Land yang dibangunkan di atas tanah seluas 620 hektar, terletak bersebelahan dengan Paya Indah Wetland dan hutan simpan utara Kuala Langat dan Cyberjaya.

Projek pembangunan memabitkan nilai pembangunan kasar (GDV) RM20 bilion itu, akan merangkumi pembinaan komponen residensi dan komersial, serta bakal menjadi penanda aras baharu bagi projek pembangunan di sekitar Lembah Klang.